

# Perjanjian kukuh Kerajaan Perpaduan



premium.sinarharian.com.my/

KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN

**A**pabila Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sendiri memilih berdepan dengan undi bagi menentukan keabsahan beliau sebagai usul utama kerajaan melalui sidang Parlimen pertama pada 19 November ini, sebagai satu isyarat jelas bahawa beliau mahu memastikan kestabilan Kerajaan Perpaduan kekal terjamin.

Setelah mengakhiri penantian 24 tahun untuk menjadi Perdana Menteri, Anwar amat memahami bahawa Pakatan Harapan (PH) wajar mengikat sokongan ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional (BN), Gabungan Parti Sarawak (GPS), Gabungan Rakyat Sabah (GRS), Parti Warisan (Warisan) dan parti-parti kecil termasuk Bebas sehingga akhir penggal pentadbiran kerajaan selama lima tahun.

Ini kerana beliau pasti tidak mahu mengalami nasib serupa seperti dua bekas Perdana Menteri terdahulu, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang sekadar menjadi ketua kerajaan bagi tempoh singkat.

Justeru, dengan termeterainya satu perjanjian khas mengukuhkan sokongan parti-parti dalam Kerajaan Perpaduan pada Jumaat, langkah itu secara tidak langsung melenyapkan segala peluang kelompok elit politik 'oportunist' untuk menggerakkan sebarang 'langkah politik' yang tidak baik untuk negara.



Anwar (kanan) menyedari kepentingan melaksanakan inisiatif memeterai perjanjian khas dengan parti-parti yang menyokong kerajaan demi menjamin kestabilan politik pasca PRU 15.



MUHAMMAD ASRI

LORETTO

Bagaimanapun, Felo Penyelidik Majlis Profesor Negara, Dr Muhammad Asri Mohd Ali berpandangan, perjanjian berkenaan hanya benar-benar 'mengikat' parti-parti menyokong Anwar sekiranya asas pembentukan negara bangsa dipertahankan dan berlandaskan kepada Perlembagaan Persekutuan.

Tambahnya, tiga teras utama Perlembagaan Persekutuan yang dijanjikan Anwar untuk dipertahankannya selaku Perdana Menteri ke-10 iaitu jaminan agama Islam sebagai agama

rasmi dan hak ketuanan Melayu, bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan jaminan kedaulatan institusi raja-raja Melayu.

"Perkara ini merupakan asas utama pengikat kestabilan Kerajaan Perpaduan kerana keputusan PRU15 (Pilihan Raya Umum ke-15) memberi isyarat jelas pengundi Melayu serta bumiputera Sabah dan Sarawak menolak sebarang usaha penubuhan sebuah kerajaan berkonsepkan *multiracial* yang menyekat kepentingan kaum bumiputera.

"Kerajaan dibentuk ini tidak boleh dibayangi percanggahan pelbagai ideologi berbeza dibawa parti-parti berada di dalamnya, sebaliknya perkara itu mesti dikurangkan bagi mengelakkan konflik dalaman yang tidak berkesudahan," katanya kepada *Sinar Premium* pada Khamis.

Selain memastikan tiada percanggahan ideologi politik membayangi prinsip kerajaan baharu, Anwar dan barisan kabinet Kerajaan Perpaduan juga sebenarnya berdepan cabaran

besar membuktikan kemampuan dan kewibawaan mereka dalam menyelesaikan masalah yang menekan rakyat.

Perkara itu juga dilihat Muhammad Asri sebagai faktor kedua penentu utama perjanjian yang menyokong Anwar itu relevan kerana barisan menteri kabinet mesti menunjukkan kompetensi mereka untuk membawa transformasi positif dalam pentadbiran negara.

Selain itu, aspek paling penting perlu ditekankan dalam inti pati perjanjian khas mengukuhkan Kerajaan Perpaduan adalah melalui peletakan syarat ketua-ketua parti terlibat perlu mengawal ego politik pemimpin-pemimpin senior masing-masing agar mereka berjiwa besar menerima keabsahan kerajaan sedia ada.

Jelas Muhammad Asri, peristiwa Langkah Sheraton dan kejatuhan kerajaan PN membuktikan sikap ego politik pemimpin senior ini berisiko menyumbang ketegangan politik dalam kerajaan sekali gus mencetuskan ketidakstabilan negara.

"Kalau pemimpin senior dalam UMNO masih bercita-cita besar dalam politik dan berhasrat membawa keluar parti daripada Kerajaan Perpaduan sekiranya pucuk kepimpinan parti sedia ada ditumbangkan, maka ketidakstabilan politik pasca PRU15 akan berterusan.

"Selain itu, ego politik pemimpin elit ini juga mampu dikendurkan sekiranya Anwar sendiri melaksanakan misi dan visi politiknya secara jelas dan tidak sekadar bersikap retorik sepanjang masa," ujar Muhammad Asri.

Sementara itu, Setiausaha Agung Warisan, Datuk Loretto Padua Jr ketika dihubungi mengharapkan agar inisiatif itu dapat mengukuhkan kerajaan, sekali gus memberi ruang seluasnya kepada Anwar memfokuskan usaha membaik pulih struktur pentadbiran negara daripada sebarang elemen kepincangan dan salah guna kuasa.